



SOALAN LAZIM (FAQ) SUMBANGAN ASAS RAHMAH (SARA) 2025

A. PENGENALAN

1. **S: Apakah Sumbangan Asas Rahmah (SARA)?**

J: Sumbangan Asas Rahmah (SARA) merupakan program bantuan bersasar kepada rakyat yang paling terkesan dengan gelombang kos sara hidup. Program sumbangan ini adalah untuk mengangkat taraf ekonomi golongan rentan dan menjunjung prinsip kesaksamaan yang menjadi teras kepada kerangka Ekonomi MADANI.

2. **S: Siapa yang layak menerima SARA 2025?**

J: Kelayakan SARA 2025 adalah terhad kepada:

SARA Miskin Tegar dan Miskin eKasih

- i. Warganegara Malaysia; dan
- ii. Lulus Sumbangan Tunai Rahmah (STR) 2025 kategori Isi Rumah, Bujang dan Warga Emas Tiada Pasangan; dan
- iii. Tersenarai sebagai penerima Miskin Tegar / Miskin eKasih dalam rekod data eKasih di bawah Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM) sehingga 31 Oktober 2024.

SARA Isi Rumah dan Warga Emas Tiada Pasangan STR 2025

- i. Warganegara Malaysia; dan
- ii. Lulus Sumbangan Tunai Rahmah (STR) 2025 kategori Isi Rumah dan Warga Emas Tiada Pasangan.

3. **S: Adakah saya perlu memohon SARA 2025?**

J: Tidak. Kelayakan SARA 2025 adalah secara automatik berdasarkan data Miskin Tegar dan Miskin eKasih sehingga 31 Oktober 2024. SARA 2025 turut diperluas kepada semua penerima STR 2025 kategori Isi Rumah dan Warga Emas Tiada Pasangan.

4. **S: Bagaimanakah program SARA 2025 dilaksanakan?**

J: Penerima SARA 2025 akan menerima bantuan barangan keperluan asas tanpa tunai (cashless) secara automatik melalui akaun yang dibuka menggunakan MyKad penerima. Barangan runcit asas daripada kategori produk yang diluluskan boleh dibeli di pasar raya / kedai runcit terpilih seluruh negara menggunakan MyKad.

Penerima STR 2025 yang telah disahkan daripada data Miskin Tegar dan Miskin eKasih layak SARA 2025 berjumlah RM100 / RM50 setiap bulan bagi tempoh 12 bulan (Januari 2025 - Disember 2025).

Manakala kadar tambahan kepada semua penerima STR 2025 kategori Isi Rumah dan Warga Emas Tiada Pasangan adalah RM100 / RM50 setiap bulan bagi tempoh 9 bulan (April 2025 - Disember 2025).

5. **S :** Berapakah amaun kelayakan SARA 2025 yang akan diterima penerima yang layak?

J: Kelayakan amaun SARA 2025 adalah seperti berikut:

| Kadar Tambahan STR - Sumbangan Asas Rahmah (SARA) | | |
|--|---|--|
| Kategori Penerima STR 2025 | Penerima STR 2025 berstatus Miskin dan Miskin Tegar eKasih | Penerima STR 2025 selain Miskin dan Miskin Tegar eKasih |
| Isi Rumah (Tiada had umur) | RM2,100 RM100/bulan (Januari - Mac) RM200/bulan (April - Disember) | RM900 RM100/bulan (April - Disember) |
| Warga Emas Tiada Pasangan | RM1,650 RM100/bulan (Januari - Mac) RM150/bulan (April - Disember) | RM450 RM50/bulan (April - Disember) |
| Bujang (21-59 tahun) | RM600 RM50/bulan (Januari - Disember) | |

Nota : Amaun kelayakan SARA 2025 adalah tertakluk kepada masa permohonan STR 2025 diluluskan.

6. **S :** Bagaimanakah cara untuk saya semak kelayakan SARA 2025?

J: Semakan kelayakan SARA 2025 boleh dibuat melalui kaedah berikut:

| Kaedah Pemakluman | Keterangan |
|---|--|
| i. Surat pemakluman | <ul style="list-style-type: none"> Surat lulus STR 2025 bersekali kelayakan SARA kepada alamat berdaftar dalam permohonan STR |
| ii. Sistem Pesanan Ringkas (<i>SMS blast</i>) | <ul style="list-style-type: none"> Penerima SARA yang layak akan menerima Sistem Pesanan Ringkas / aplikasi WhatsApp daripada MyKasih untuk mengesahkan status mereka sebagai penerima di bawah program ini, berserta tarikh dan masa untuk sesi taklimat orientasi di kedai runcit yang terdekat. Akaun akan dibuka berdasarkan MyKad penerima dalam sistem MyKasih di mana elaun perbelanjaan akan direkodkan. |
| iii. Semakan terus melalui portal rasmi | <p><u>Semakan kelayakan SARA</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Portal rasmi STR https://bantuantunai.hasil.gov.my Portal rasmi MyKasih https://www.mykasih.com.my |
| iv. Hubungi | <p><u>Semakan kelayakan SARA</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Hubungi BKK HASiL: 1-800-88-2747 (waktu operasi: 9.00 pagi - 5.00 petang); atau Hubungi MOF: 03-8882 4565 / 4566 (waktu operasi: 9.00 pagi - 5.00 petang) <p><u>Semakan pelaksanaan SARA</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Hubungi MyKasih: 03-7720 1800 (waktu operasi: 9.00 pagi - 5.00 petang) |

7. S: Sekiranya saya tidak tersenarai sebagai penerima SARA 2025, adakah saya masih berpeluang menjadi penerima SARA?

- J: Ya. Tiada permohonan rayuan akan dibuka bagi kelayakan baharu SARA. Walau bagaimanapun, kelayakan SARA akan dipertimbangkan semula sekiranya:
- i. Warganegara Malaysia;
 - ii. Permohonan rayuan STR 2025 anda melebihi kriteria kelayakan dan diluluskan; serta
 - iii. Tersenarai dalam data Miskin Tegar / Miskin eKasih sehingga 31 Oktober 2024 atau lulus kategori Isi Rumah / Warga Emas Tiada Pasangan STR 2025 (bagi kelayakan kadar tambahan SARA 2025).

Amaun kelayakan SARA 2025 adalah tertakluk kepada fasa STR 2025 diluluskan. Sekiranya permohonan STR diluluskan mulai semakan Fasa 2 / Fasa 3 / Fasa 4, bayaran SARA yang akan diterima adalah mulai bulan permohonan STR berkenaan diluluskan.

B. KAEDAH PELAKSANAAN SARA 2025

8. S: Jika saya terlepas sesi orientasi, apakah yang perlu saya lakukan?

- J: Anda boleh semak video tutorial yang disediakan melalui Whatsapp atau Youtube <https://www.youtube.com/watch?v=hxYmi0OZPEg> atau hubungi nombor talian tertera yang telah anda terima melalui Sistem Pesanan Ringkas / aplikasi WhatsApp daripada MyKasih.

9. S: Bilakah SARA akan disalurkan kepada penerima?

- J: Penerima akan menerima elaun bulanan melalui MyKad mereka untuk membeli barang keperluan asas terpilih.

Pembayaran kepada penerima SARA 2025 adalah seperti jadual berikut:

| Bulan | Kelayakan SARA 2025 Mengikut Kategori STR 2025 | | | | | |
|----------------|--|------------------------------|---------------------------|------------------------------|-----------------------|------------------------------|
| | Isi Rumah | | Warga Emas Tiada Pasangan | | Bujang | |
| | Miskin Tegar / Miskin | Selain Miskin Tegar / Miskin | Miskin Tegar / Miskin | Selain Miskin Tegar / Miskin | Miskin Tegar / Miskin | Selain Miskin Tegar / Miskin |
| Januari 2025 | RM100 | | RM100 | | RM50 | |
| Februari 2025 | RM100 | | RM100 | | RM50 | |
| Mac 2025 | RM100 | | RM100 | | RM50 | |
| April 2025 | RM200 | RM100 | RM150 | RM50 | RM50 | |
| Mei 2025 | RM200 | RM100 | RM150 | RM50 | RM50 | |
| Jun 2025 | RM200 | RM100 | RM150 | RM50 | RM50 | |
| Julai 2025 | RM200 | RM100 | RM150 | RM50 | RM50 | |
| Ogos 2025 | RM200 | RM100 | RM150 | RM50 | RM50 | |
| September 2025 | RM200 | RM100 | RM150 | RM50 | RM50 | |
| Oktober 2025 | RM200 | RM100 | RM150 | RM50 | RM50 | |
| November 2025 | RM200 | RM100 | RM150 | RM50 | RM50 | |
| Disember 2025 | RM200 | RM100 | RM150 | RM50 | RM50 | |
| Jumlah | RM2,100 | RM900 | RM1,650 | RM450 | RM600 | |

11. S: Di manakah boleh saya membeli barangan keperluan asas di bawah program ini?

J: Penerima yang layak akan diberi penerangan mengenai kedai runcit terdekat untuk membeli barangan keperluan asas. MyKasih mempunyai lebih daripada 1,200 rakan niaga di seluruh negara termasuk Mydin, Giant, Econsave, The Store, Pacific, Milimewa, 99 Speedmart, Lotus Stores (Tesco), serta pasar raya dan pasar mini bebas.

Senarai pasar raya dan kedai runcit terlibat boleh disemak melalui pautan berikut:
<https://app.mykasih.net/sara2/merchant-list>

12. S: Adakah saya boleh membuat pembelian di pasar raya dan kedai runcit luar daripada kawasan tempat tinggal saya?

J: Ya. (Rujuk jawapan soalan 11)

13. S: Apakah barangan keperluan asas yang boleh saya beli?







J: Penerima boleh membeli barangan keperluan asas daripada 13 kategori produk yang diluluskan iaitu **beras, roti, telur, minyak masak, tepung, biskut, mi segera, minuman, makanan dalam tin, bahan perasa, produk kebersihan, ubat-ubatan dan barangan persekolahan.**

Barangan keperluan asas yang terlibat dengan program SARA akan dilabel untuk rujukan penerima. Contoh barangan keperluan asas mengikut kategori adalah seperti berikut:



14. S: Bagaimanakah kaedah pembelian barangan keperluan?

J: Kaedah pembelian barangan keperluan adalah seperti berikut:

| | |
|---|---|
|  | Pilih Barangan Keperluan <ul style="list-style-type: none">Penerima bantuan boleh membeli barangan keperluan berdasarkan 13 kategori produk yang mempunyai label MyKasih di rak tanda harga. |
|  | Tunjuk MyKad Untuk Pengesahan <ul style="list-style-type: none">Juruwang menyemak status MyKad penerima bantuan. |
|  | Tukar Nombor Pin <ul style="list-style-type: none">Penerima bantuan perlu menukar nombor pin sementara (6-digit pertama MyKad) kepada nombor pin baharu. |
|  | Imbas Kod Barangan <ul style="list-style-type: none">Juruwang mengimbas setiap barang keperluan asas yang ingin dibeli mengikut kategori yang dibenarkan. |
|  | Bayar Menggunakan MyKad <ul style="list-style-type: none">Penerima bantuan memasukkan nombor pin 6-digit untuk mengesahkan transaksi pembelian. |
|  | Simpan Resit Untuk Semakan <ul style="list-style-type: none">Penerima bantuan menyimpan resit untuk menyemak transaksi pembelian. |

15. S: Bagaimanakah kaedah semakan baki SARA 2025 dalam akaun MyKad penerima?


J: Semakan baki SARA dalam akaun MyKad penerima boleh disemak melalui kaedah berikut:

i. Semakan portal rasmi MyKasih:
<https://app.mykasih.net/sara2/checkstatus>

ii. Semakan aplikasi MyKasih



iii. Semakan resit pembelian:



The receipt image shows the following fields with callouts:

- Logo MADANI (top left)
- Jata Negara (MyKasih logo)
- Baki semasa SARA dalam MyKad penerima (OPENING BALANCE: RM 40.00)
- Jumlah pembelian perlu dibayar (PURCHASE AMOUNT: RM 35.00)
- Baki SARA dalam MyKad penerima selepas pembelian (A. Balance: RM 5.00)

16. S: Adakah saya perlu bayar lebih amaun sekiranya amaun pembelian melebihi baki semasa SARA dalam MyKad penerima?

J: Ya. Pembelian adalah terhad kepada barangan keperluan asas daripada 13 kategori produk yang diluluskan sahaja. Pembelian selain barangan tersebut dan pembelian melebihi baki semasa SARA dalam MyKad perlu dibayar oleh penerima.

17. S: Saya tidak menghabiskan baki elaun tersebut pada bulan semasa, adakah baki elaun tersebut boleh dibawa ke bulan-bulan seterusnya?

J: Ya. Baki elaun bulanan yang tidak habis digunakan akan dibawa ke bulan-bulan seterusnya dan boleh digunakan bersama dengan elaun bulan semasa. Walau bagaimanapun, sebarang baki elaun yang tidak digunakan sepenuhnya pada akhir tempoh program iaitu 31 Disember 2025 akan luput secara automatik.

18. S: Adakah elaun SARA mempunyai tarikh luput?

J: Ya. Tempoh sah laku atau tarikh luput elaun SARA adalah pada 31 Disember 2025.

19. S: Adakah pembelian boleh dibuat oleh individu selain penerima SARA?

J: Tidak. Pembayaran di kaunter adalah menggunakan MyKad penerima dengan nombor pin yang hanya diketahui oleh penerima. Sebarang pembelian yang dibuat oleh individu selain penerima adalah di bawah tanggungjawab penerima itu sendiri.

20. S: Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya MyKad saya rosak / hilang?

J: Sila hubungi Talian Bantuan MyKasih. Pengecualian pembelian secara manual akan diberikan hanya bagi satu transaksi pembelian. Pembelian seterusnya hanya boleh dibuat menggunakan MyKad baharu anda.

21. S: Siapakah yang boleh saya hubungi untuk mendapatkan maklumat lanjut berkenaan program SARA 2025?

J: Maklumat lanjut berkenaan SARA 2025 boleh didapati di:
i. Portal Rasmi MyKasih, <https://www.mykasih.com.my>; atau
ii. Hubungi Talian Bantuan MyKasih 03-7720 1800

22. S: Saya mempunyai pasar raya / kedai runcit dan berminat untuk menjadi rakan niaga bagi program SARA 2025. Siapakah yang perlu saya rujuk bagi tujuan tersebut?

J: Anda boleh berurusan / hubungi pihak Yayasan MyKasih untuk penerangan lanjut. Pemilihan rakan niaga adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang telah ditetapkan oleh pihak Yayasan MyKasih.

23. S: Seperti diumumkan dalam Belanjawan 2025, SARA 2025 juga diterima oleh penerima STR kategori Isi Rumah dan Warga Emas Tiada Pasangan bukan dalam senarai eKasih. Bila dan bagaimana kaedah pelaksanaannya?

J: Penerima STR 2025 kategori Isi Rumah dan Warga Emas Tiada Pasangan bukan dalam senarai eKasih juga layak SARA 2025 seperti berikut:

- i. Penerima STR 2025 kategori Isi Rumah layak **RM900 setahun atau RM100 setiap bulan bagi tempoh 9 bulan bermula April 2025**; dan
- ii. Penerima STR 2025 kategori Warga Emas Tiada Pasangan layak **RM450 setahun atau RM50 setiap bulan bagi tempoh 9 bulan bermula April 2025**.

24. S: Sekiranya penerima SARA 2025 sedang berada dalam penjara / pusat serenti / reman penjara / institusi jagaan Kerajaan yang lain ATAU sedang sakit / uzur / OKU ATAU meninggal dunia, bagaimanakah kaedah pelaksanaan bagi membolehkan isi rumah berkenaan menerima SARA?

J: Hanya **penerima SARA 2025 daripada kategori isi rumah STR** sahaja dibenarkan untuk membuat penukaran penerima terhad kepada pasangan warganegara yang berdaftar dalam permohonan STR. Kaedah pelaksanaan adalah seperti berikut:

- i. Sila hubungi nombor talian MyKasih tertera yang telah anda terima melalui Sistem Pesanan Ringkas / aplikasi WhatsApp daripada MyKasih dan kemukakan **dua (2) dokumen wajib dan satu (1) dokumen tambahan** berikut:

Dua (2) dokumen wajib

- a. Dokumen pengenalan diri (asal atau salinan) penerima; **dan**
- b. Dokumen pengenalan diri (asal) pasangan warganegara.

Satu (1) dokumen tambahan (Jika Berkaitan)

Mengikut situasi penerima:

| Bil. | Situasi Pemohon | Dokumen |
|------|---|--|
| a. | Berada dalam penjara / pusat serenti / Reman Penjara / Institusi jagaan Kerajaan yang lain. | <ol style="list-style-type: none">i. Surat pengesahan daripada penjara / pusat serenti (salinan atau asal) (jika penerima berada di penjara atau pusat serenti) / Institusi jagaan Kerajaan yang lain.ii. Tempoh masa Surat Pengesahan:<ul style="list-style-type: none">• Terdapat paparan tarikh masuk dan keluar penjara; atau• Sekiranya tiada tarikh masuk keluar penjara, Surat Pengesahan Penjara yang dikeluarkan berkenaan mestilah <u>tahun semasa</u> atau tidak melebihi 1 tahun dari tarikh surat dikeluarkan. <p><u>Nota:</u></p> <ul style="list-style-type: none">• Salinan Kad Pengenalan penerima dikecualikan sekiranya surat penjara jelas menunjukkan nama dan nombor pengenalan penerima serta tempoh masa.• Surat pengesahan yang mempunyai tarikh mula dan tarikh akhir hukuman boleh digunakan dalam tempoh <u>3 tahun sahaja</u>. |

| | | |
|----|--------------------------|--|
| b. | Sakit / Uzur / OKU | <ul style="list-style-type: none">• Surat pengesahan hospital jika penerima menerima rawatan di hospital / Klinik; atau• Surat kebenaran / pengesahan daripada Hospital / Klinik bagi penerima yang uzur (tidak berdaya untuk bergerak); atau• Kad OKU asal |
| c. | Penerima Meninggal Dunia | <ul style="list-style-type: none">• Sijil Kematian / Permit Penguburan (Asal / Salinan) / Laporan Polis |

- ii. Pihak MyKasih akan mengemukakan maklumat berkenaan kepada pihak Kementerian Kewangan (MOF) / Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) bagi tujuan pengesahan status kelayakan penukaran penerima SARA.

Pemakluman status kelayakan penukaran penerima SARA akan dimaklumkan kembali kepada isi rumah berkenaan selepas pengesahan status dimuktamadkan pihak MOF / LHDNM.

25. S: Saya baru bercerai dan Ketua Isi Rumah berdaftar dalam sistem eKasih adalah suami. Adakah saya layak SARA 2025 memandangkan saya (ibu) yang diberi hak penajaan untuk mengangung anak-anak?

J: Kelayakan SARA 2025 adalah kepada penerima Miskin Tegar / Miskin eKasih serta semua penerima STR 2025 kategori Isi Rumah dan Warga Emas Tiada Pasangan.

SARA Miskin Tegar / Miskin eKasih adalah berdasarkan data Miskin Tegar / Miskin eKasih sehingga 31 Oktober 2024 yang berstatus lulus STR 2025. Sekiranya anda tersenarai sebagai Ahli Isi Rumah dalam rekod Ketua Isi Rumah berkenaan dan kelulusan STR anda serta bekas suami adalah dua permohonan berbeza, anda akan layak SARA 2025 secara berasingan.

Sekiranya kelulusan terkini STR 2025 anda adalah kategori Isi Rumah, anda layak kadar tambahan SARA RM900 setahun atau RM100 setiap bulan bagi tempoh 9 bulan bermula April 2025 (tertakluk kepada fasa permohonan STR 2025 diluluskan). Untuk kaedah semakan kelayakan SARA 2025, sila rujuk jawapan soalan 6.